



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, MALAYSIA
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-80008000
Faks : 603-88808288
Laman Web : www.jpn.gov.my
E-mel : pro@jpn.gov.my

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR KOSMO BERTAJUK "KAJI SEMULA PROSEDUR AMBIL ANAK ANGGAT" BERTARIKH 6 DISEMBER 2016, SELASA – M.S: 11 (NEGARA)

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin memberi respon berkaitan artikel yang dikeluarkan oleh akhbar Kosmo berkenaan kaji semula prosedur pengambilan anak angkat.

Ingin dimaklumkan, JPN memandang serius berkenaan pendedahan dokumentari stesen penyiaran televisyen Al-Jazeera mengenai aktiviti pemerdagangan bayi yang berlaku di Malaysia baru – baru ini. Dakwaan bahawa sindiket penjualan bayi tersebut berlaku kerana kerenah birokrasi yang terpaksa dilalui oleh pasangan atau individu yang ingin memohon anak angkat adalah tidak tepat.

Ingin dijelaskan, permohonan pendaftaran pengangkatan yang dibuat di JPN adalah mengikut prosedur dan peraturan berdasarkan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) & Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Permohonan di JPN hanya melibatkan pengangkatan secara De Facto dengan bayaran kelulusan sebanyak RM 30.00 bukan seperti yang didakwa. Pengangkatan melalui Perintah Mahkamah pula adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen dan terpakai bagi orang bukan Islam sahaja. Bayaran guaman yang dikenakan kepada ibu bapa angkat adalah berdasarkan persetujuan bersama antara ibu bapa angkat dan peguam yang dilantik.

Walau bagaimanapun, penentuan taraf kanak-kanak yang telah dianakangkatkan adalah berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu kandung semasa kelahiran dan bukannya mengikut taraf ibu bapa angkat secara automatik. Bagi anak angkat yang bertaraf bukan warganegara, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan taraf warganegara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, aktiviti pemerdagangan atau jual beli bayi tidak sepatutnya berlaku sekiranya pemohon mengikut garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan demi menjamin kesejahteraan hidup, hak dan kepentingan kanak-kanak yang telah dianakangkatkan.

FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.
Tel. : 03-88807077
Faks : 03-88808288

7 Disember 2016

'RAKYAT DI HATI JPN'

